

SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN FAKULTI PENDIDIKAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Mohd Izzuddin bin Mohd Pisol¹, Julia binti Madzalan², Ahmad Shafiq Mat Razali³,
Mohd Faez Ilias⁴, Suhana Mohamed Lip⁵, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi⁶, Annasaii Jamar⁷

¹Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

PENGENALAN

Penubuhan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor bermula dengan tapak asas di Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jamaah (SAMTAJ), Seksyen 11 Shah Alam. Kemudiannya KUIS mula membina tapak di Bandar Seri Putra dan mula mengembangkan program-program pengajian yang bermula dengan program peringkat Diploma pada 15 Februari 1995 termasuk program Diploma Pendidikan Islam. Namun program Diploma Pendidikan Islam ini telah terhenti pada tahun 1998 disebabkan oleh polisi kerajaan bagi program latihan perguruan pada ketika itu.

Bermula pada tahun 2008, pihak agensi kelayakan Akreditasi Malaysia (MQA) telah memberikan kebenaran kepada institusi pengajian tinggi untuk menawarkan program pendidikan di Institut Pengajian Tinggi Swasta dengan syarat hendaklah mempunyai keperluan daripada agensi yang memerlukan latihan guru. Syarat yang ditetapkan oleh MQA adalah selari dengan keperluan Jabatan Agama Islam Selangor yang memerlukan latihan perguruan yang diiktiraf. Oleh yang demikian, Fakulti Pendidikan telah diwujudkan pada tahun 2008 bagi memenuhi keperluan latihan perguruan dari Jabatan Agama Islam Selangor dan keperluan institusi pendidikan awam. Sehingga kini, KUIS terus mengorak langkah dan mewujudkan persaingan yang sangat positif dengan menawarkan lebih dari 91 program dari peringkat matrikulasi sehingga program Doktor Falsafah dan telah berjaya setanding dengan IPT lain apabila mencapai Tier-4 dalam Penilaian Penarafan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA) di peringkat Kolej Universiti.

Selain dari sokongan dan dokongan dari pihak MAIS dan JAIS memperkembangkan KUIS sehingga ke peringkat tinggi, pada tahun 2016 KUIS telah menerima suntikan dana (*soft loan*) daripada kerajaan Negeri sebanyak 48,544,150 (RM48.5 juta) bagi tujuan pembangunan prasarana di kampus utama KUIS. Peruntukan dana yang besar adalah salah satu tanda keprihatinan kerajaan negeri terhadap pembangunan pendidikan di dalam negeri Selangor khususnya terhadap pembangunan Pendidikan Islam.

Visi, Misi & Objektif Fakulti Pendidikan

Visi fakulti Pendidikan adalah untuk memartabatkan profesion pendidikan dengan melahirkan para pendidik yang berketerampilan, berasaskan budaya ilmu, teknologi dan beretika selari dengan nilai-nilai Islam bagi mendapatkan keredaan Allah.

Misi fakulti adalah untuk:

- Melahirkan para pendidik yang berinovatif dan celik teknologi seiring dengan keperluan semasa.
- Melahirkan para pendidik yang berupaya mengaplikasikan teori-teori pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.
- Melahirkan para pendidik yang dapat melaksanakan tugas berpandukan etika kerja yang cemerlang dan mampu berdaya saing.

Penubuhan Jabatan Di Fakulti Pendidikan

Penubuhan Fakulti Pendidikan secara rasmi pada April 2008 didokongi oleh dua jabatan utama iaitu, Jabatan Pendidikan Islam dan Jabatan Pendidikan Bahasa. Kedua-dua jabatan ini bertanggungjawab bagi penawaran tiga program utama secara sepenuh dan separuh masa iaitu bagi program Diploma Pendidikan Islam, Diploma Perguruan TESL sebagai Bahasa Kedua dan Diploma Perguruan TAsL. Kemasukan pelajar yang ramai pada tahun 2008 dan 2009 khususnya dengan perjanjian persefahaman bersama pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi menyalurkan pelajar-pelajar dalam kalangan guru-guru separuh masa bagi program-program yang ditawarkan di bawah Fakulti Pendidikan telah memberi impak kepada keperluan kepada pertambahan tenaga akademik serta pengwujudan Jabatan Perkaedahan bagi penyelarasan kursus wajib fakulti.

Struktur organisasi di Fakulti Pendidikan juga telah berubah pada tahun 2015 dengan hasrat KUIS menyelaraskan sistem latihan industri di setiap fakulti dengan mewujudkan satu lagi jawatan yang dikenali sebagai Ketua Latihan Industri bagi membantu pelaksanaan latihan industri di setiap fakulti. Oleh yang demikian, struktur Fakulti Pendidikan bermula pada tahun 2015 dirangkumi oleh Jabatan Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Bahasa, Jabatan Perkaedahan dan Jabatan Latihan Industri.

Namun begitu pada penghujung tahun 2016, perubahan struktur secara besar-besaran telah dilakukan hasil daripada cadangan Menteri Besar Selangor sebagai Pengerusi Lembaga Pengurusan KUIS supaya meneliti semula peranan dan struktur sedia ada bagi menepati keperluan operasi dan penjimatan strategi. Oleh yang demikian, Fakulti Pendidikan telah menjenamakan semula jabatan-jabatan di fakulti dengan menyerap Jabatan Perkaedahan ke jabatan yang menawarkan program. Nama-nama jabatan yang dijenamakan semula dan digunapakai sehingga sekarang ialah Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan (JAKP) dan Jabatan Pengurusan Pendidikan dan Bahasa (JPPB) dgn bantuan Ketua Latihan Industri yang dikekalkan bagi menyelaraskan pelaksanaan praktikum di fakulti serta Ketua Pascasiswazah bagi program sarjana dan program ijazah kedoktoran.

Penstrukturan semula jabatan mengambil kira keperluan program pengajian yang ditawarkan di peringkat pengajian yang bersesuaian. Setiap jabatan diketuai oleh Ketua Jabatan dan dibantu oleh ketua-ketua program mengikut peringkat program pengajian bagi memenuhi standard keperluan program serta bagi menyelaraskan dan menguruskan program-program pengajian yang ditawarkan.

Penubuhan Fakulti Pendidikan

Fakulti pendidikan KUIS ini bermula dengan kewujudan sebuah jabatan pendidikan yang bermula pada tahun 1995 dan terus berkembang membentuk fakulti Pendidikan pada tahun 2008. Sejarah Fakulti Pendidikan ditubuhkan pada 1 April 2008. Penubuhan fakulti ini merupakan susulan dari hasrat Jabatan Agama Islam Selangor untuk melatih guru-guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) dan guru-guru kontrak yang sedang berkhidmat di Selangor. Ia bertujuan memenuhi matlamat jabatan tersebut untuk mewujudkan guru-guru yang profesional dalam pendidikan di negeri Selangor. Di samping itu, fakulti pendidikan juga meneruskan kesinambungan Diploma Pendidikan yang pernah dilaksanakan pada tahun 1995. Kini, Fakulti Pendidikan menawarkan tiga program diploma iaitu Diploma Perguruan (Pendidikan Islam), Diploma Perguruan (Teaching Arabic as a Second Language) dan Diploma Perguruan (Teaching English as a Second Language). Ketiga-tiga program ini telah mendapat kelulusan mengendalikan program dari Agensi Kelayakan Malaysia. Kumpulan pertama guru-guru pelatih telah mendaftar pada 14 Jun 2008 berjumlah 455 orang dan sehingga kini Fakulti Pendidikan telah mengeluarkan ribuan graduan sepenuh masa dan separuh masa di peringkat diploma. Malah Fakulti Pendidikan telah dianugerahkan sebagai Fakulti Terbaik oleh KUIS pada tahun 2010 dengan jumlah kemasukan pelajar teramai pada ketika itu. Program-program di Fakulti Pendidikan bermatlamat membangun pendidik yang berupaya melonjak profesion keguruan selain menjadi seorang guru yang terlatih, berkemahiran, bertanggungjawab dan mengamalkan profesionalisme dan amal soleh dalam kehidupan.

Seterusnya pada tahun 2014, fakulti pendidikan terus berkembang dengan kelulusan akreditasi sementara bagi program pengajian di peringkat sarjana muda iaitu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) TESL dengan Multimedia dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia. Perkembangan seterusnya adalah pada tahun 2017, fakulti pendidikan telah memperolehi kelulusan akreditasi sementara bagi lima program sarjana pendidikan mod penyelidik dalam pelbagai bidang iaitu Pendidikan Islam, Teknologi Pendidikan, Kurikulum dan Pedagogi, Pendidikan Bahasa dan Pengurusan Pendidikan. Dalam masa yang sama, fakulti pendidikan turut memperolehi kelulusan mengendalikan program ijazah doktor falsafah pendidikan melalui akreditasi sementara bagi program tersebut. Tuntutan kepada keperluan menyediakan latihan perguruan dalam bidang tahfiz al-Quran turut digalas tanggungjawab oleh fakulti pendidikan melalui permohonan akreditasi sementara pada tahun 2018 dan berjaya memperolehi kelulusan akreditasi sementara pada tahun 2020.

Kepimpinan Kedekanan Fakulti Pendidikan Kuis

Sepanjang 12 tahun perjalanan latihan perguruan, fakulti pendidikan KUIS telah melalui empat perubahan dekan fakulti yang telah membawa perubahan dan perkembangan besar kepada fakulti Pendidikan seperti berikut:

- i. April 2008 - Februari 2013: En Mohammad Fuad Haji Ishak
- ii. Mac 2013- Oktober 2017: Puan Suhana Mohamed Lip
- iii. November 2017- April 2021: Dr. Zetty Nurzuliana Rashed
- iv. Mei 2021- Sekarang: En Sapie bin Sabilan

Bilangan Pelajar Terkini

Program/Tahun	2017	2018	2019	2020	2021	Jumlah
Diploma Perguruan (TESL)		2	20	31	11	
Diploma Perguruan (Pendidikan Islam)		16	59	88	46	
Diploma Perguruan (Pendidikan Islam) Separuh Masa					6	
Ijazah Sarjana Muda TESL Dengan Multimedia	32	48	55	41	17	
Ijazah Pendidikan Islam Dengan Multimedia	71	97	163	143	67	
Ijazah Pendidikan Islam Dengan Multimedia (Separuh Masa)		3		4		
Jumlah						

(Sumber: Bahagian Pengurusan Akademik, KUIS: 2021)

Bilangan Graduan Terkini 2016-2020

Program/Tahun	2016	2017	2018	2019	2020	Jumlah
Diploma Perguruan (TESL)	50	51	63	8	51	
Diploma Perguruan (Pendidikan Islam)	131	159	141	35	101	
Diploma Perguruan (Pendidikan Islam) Separuh Masa		-	-	-	-	
Ijazah Sarjana Muda TESL Dengan Multimedia		10	19	29	17	77
Ijazah Pendidikan Islam Dengan Multimedia		-	22	120	61	213
Ijazah Pendidikan Islam Dengan Multimedia (Separuh Masa)						-
Jumlah						278

(Bahagian Alumni, KUIS: 2021)

Peranan Fakulti Pendidikan Kuis Dalam Pembangunan Modal Insan Keguruan

Di dalam usaha untuk menjadikan Fakulti Pendidikan sentiasa relevan kepada keperluan dan tuntutan semasa, pihak fakulti KUIS sentiasa memastikan kualiti pelajar yang dihasilkan akan dapat memenuhi keperluan industri, memenuhi keakuratan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan autoriti yang berkaitan serta mendapat pengiktirafan daripada badan-badan tertentu. Semua usaha ini adalah untuk memastikan fakulti menghasilkan graduan yang mampu berdaya saing dan menjadi pilihan ramai apabila bergraduasi.

Memenuhi Keperluan Industri

Fakulti Pendidikan sentiasa bekerjasama secara erat dengan pihak industri. Bermula daripada kerjasama dengan pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sewaktu penubuhan program latihan guru yang membawa kepada penubuhan fakulti ini pada tahun 2008, Fakulti Pendidikan terus mengorak langkah dengan mengukuhkan kerjasama dengan pihak industri yang berkaitan. Melalui lantikan panel-panel penasihat industri, fakulti memastikan pandangan penasihat-penasihat ini diambil kira di dalam proses penggubalan program, semakan semula kurikulum program pengajian serta proses perkongsian pengalaman dan kepakaran di dalam sesi berkaitan. Pelantikan pegawai daripada jabatan dan institut di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai panel penasihat industri menjadikan program pengajian yang ditawarkan di fakulti sentiasa mendapat nasihat dan pandangan pihak industri. Seterusnya, pelantikan panel penasihat akademik juga sentiasa dikemaskini dan dipandukan kepada kriteria pemilihan panel penasihat bagi memastikan tenaga pakar yang dilantik dapat memberikan nilai tambah kepada penggubalan program dan penambahbaikan mutu program pengajian.

Panel penasihat akademik dan industri dilantik bagi setiap program pengajian yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan; sama ada di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana, mahupun ijazah doktor falsafah secara penyelidikan. Lantikan-lantikan ini terdiri daripada pakar industri yang berkaitan dengan bidang pendidikan dan ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf di Malaysia dengan kelayakan akademik daripada peringkat Pensyarah Kanan hingga Profesor. Selain daripada itu, fakulti juga mengekalkan hubungan erat dengan pihak industri melalui penempatan pelajar bagi menjalani latihan industri. Penempatan latihan industri atau praktikum ini bermula sejak tahun 2018 di sekolah-sekolah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia serta sekolah-sekolah swasta bagi memastikan para pelajar memperolehi ilmu pengetahuan yang terkini dan kekal relevan di dalam industri yang akan diceburi. Guru-guru pelatih menjalani sesi praktikum melalui pencerapan klinikal di dalam tempoh 10 hingga 12 minggu bergantung kepada program pengajian masing-masing. Setelah itu, maklumbalas turut didapatkan dari pihak sekolah untuk tujuan tambahbaik untuk langkah penambahbaikan berterusan.

Pada masa kini, Fakulti Pendidikan KUIS telah pun memeterai satu perjanjian persetujuan melalui Memorandum Persetujuan (MoA) yang telah dimeterai dengan institusi pendidikan di Indonesia bagi tujuan penganjuran aktiviti yang melibatkan implikasi kewangan. Selain itu, terdapat sejumlah tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) dengan institusi-institusi pendidikan di Brunei, Indonesia dan Singapura selain institusi di Malaysia. Jumlah perjanjian persefahaman dan persetujuan ini boleh dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 3: Institusi Pendidikan yang Mempunyai Perjanjian dengan Fakulti Pendidikan, KUIS

BIL	INSTITUSI		MOU/MOA
1	International Islamic Schools Alliance (ITTISHAL)	INDONESIA	MOA
2	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan	BRUNEI	MOU
3	International Islamic Schools Alliance (ITTISHAL)	INDONESIA	MOU
4	Prince of Songkla University (PSU)	THAILAND	MOU
5	MADRASAH AL - SAGOFF	SINGAPURA	MOU
6	UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH SUKABUMI	INDONESIA	MOU
7	KITTIS	MALAYSIA	MOU
8	IKRAM MUSLEH	MALAYSIA	MOU
9	* Institut Agama Islam Negeri BUKITTINGGI	INDONESIA	MOU
10	* Sekolah Rendah Islam UMMAH	MALAYSIA	MOU
11	* Universitas Islam Negeri AR - RANIRY	INDONESIA	MOU

* Institusi dalam proses menandatangani MoU dengan Fakulti Pendidikan, KUIS
 Sumber: Fail Fakulti Pendidikan

Fakulti pendidikan telah mengadakan aktiviti mobiliti pelajar secara berkala. Usaha penganjuran aktiviti mobiliti ini melibatkan kerjasama bersama dengan institusi pengajian tinggi di luar negara yang telah diadakan perjanjian persefahaman bersama. Hal ini adalah satu usaha yang dijalankan dalam meningkatkan kerjasama bersama dengan pihak luar di peringkat antarabangsa. Berikut merupakan butiran pelaksanaan aktiviti mobiliti pelajar yang dijalankan:

2016: Fakultas Ilmu Keguruan dan Pendidikan, IAIN Bukittinggi, Indonesia

2017: Fakulti Pendidikan, Sakarya University, Turkey

2018: Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

2019: Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla, Thailand

Selain itu, Fakulti Pendidikan KUIS turut membantu dalam memberikan latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru di dalam negara dan luar negara. Antaranya bersama Sekolah Bina Insan(MAIS), Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS), Madrasah al-Sagoff, Singapura dan sebagainya. Latihan dan perkongsian ilmu ini turut diteruskan secara tidak formal melalui aktiviti seperti Penceramah Jemputan, menjadi Pakarunding dan lain-lain aktiviti berkaitan.

Memenuhi Syarat Oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

KUIS menawarkan program pendidikan yang telah mengikut standard program pendidikan dan melaksanakan proses akreditasi penuh yang diperakui oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sama ada program pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda seperti berikut (<https://www2.mqa.gov.my/mqr/>):

- i. Diploma Perguruan (TESL)
- ii. Diploma Perguruan (Pendidikan Islam)
- iii. Ijazah Sarjana Muda TESL Dengan Multimedia
- iv. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia
- v. Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pedagogi)(Mod Penyelidikan)

Selain itu, KUIS juga memperoleh akreditasi sementara iaitu: (<https://www2.mqa.gov.my/pasp>)

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat)
- ii. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) (Mod Penyelidikan)
- iii. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Bahasa) (Mod Penyelidikan)
- iv. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan) (Mod Penyelidikan)
- v. Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Bahasa) (Mod Penyelidikan)
- vi. Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan)

KUIS turut menerima pengiktirafan daripada beberapa badan penilai yang menunjukkan tahap pencapaian dan keakuran institusi ini dalam memenuhi syarat-syarat penawaran program pengajian. Tumpuan SETARA adalah bertujuan memberikan penekanan terhadap pengajaran dan pembelajaran peringkat diploma dan ijazah pertama dalam meningkatkan budaya penambahbaikan kualiti akademik secara berterusan. KUIS dikategorikan dalam penilaian di dalam kelompok kolej universiti dalam tempoh 2017, 2018, 2019 dengan memperoleh 4 bintang (sangat baik).

KUIS telah menerima penarafan MyRA bagi penarafan bermula tahun 2013 hingga sekarang. Data ini boleh dilihat seperti jadual berikut:

TAHUN	MARKAH YANG DICAPAI	PENARAFAN BINTANG MyRA
2013	0.05	1 bintang
2014	8.38	1 bintang
2015	16.50	1 bintang
2016	21.31	1 bintang
2017	28.23	1 bintang
2018	23.98	1 bintang (diaudit)
2019	27.89	1 bintang (berdasarkan penilaian data dalam sistem e-MyRA <i>Self Assessment</i>)

KUIS juga telah mendapat pensijilan ISO 9001:2000 pada 31 Oktober 2003. Kemudian KUIS telah menerima pensijilan MS ISO: 9001: 2015 pada 21 November 2018.

Penutup

Program latihan guru di Fakulti Pendidikan telah berjalan selama 13 tahun adalah merupakan tempoh yang panjang. Bermula dengan hanya jabatan pendidikan hinggalah tertubuhnya Fakulti Pendidikan yang kini merupakan fakulti ketiga dengan kuantiti bilangan pelajar ketiga tertinggi di KUIS . Usaha ini adalah usaha berterusan dalam perjuangan memberikan latihan guru. Hasil daripada latihan guru ini, ramai guru yang telah memperolehi tempat pekerjaan sama ada di institusi pendidikan milik kerajaan mahupun swasta dan juga berkhidmat dalam bidang pendidikan atau bukan bidang pendidikan. Diharapkan Fakulti Pendidikan dapat berkembang lebih jauh dalam bidang pendidikan bagi memenuhi keperluan pendidikan pada masa hadapan.

Rujukan

- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 2018. Manual Kualiti. Dokumentasi MS 1S0 9001: 2015.
- Laman Web Fakulti Pendidikan atas talian <http://fp.kuis.edu.my/> bertarikh 21 Julai 2021.
- Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), KUIS. 2021. Data Bilangan Pelajar Aktif 2021: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Bahagian Alumni (BA), KUIS. 2021. Data Bilangan Alumni Fakulti Pendidikan 2016 - 2021: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Fakulti Pendidikan (2021). Institusi dalam proses menandatangani MoU dengan Fakulti Pendidikan, KUIS.
- Pusat Inovasi Pengurusan Penyelidikan (2021). Pencapaian Penarafan Bintang MyRA 2013-2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.